

Berpuasa di London, tapi ikut masa di Makkah

DI Singapura, kita berpuasa dalam masa 13 jam sehari. Berbeza pula dengan mereka yang berada Eropah – mereka berpuasa antara 18 dengan 20 jam sehari kerana masa siang yang panjang.

Hal ini merupakan satu pengalaman yang amat menarik buat mereka yang baru pertama kali menyambut Ramadan di negara Eropah.

Cik Nur Syazreema Sazari, 22 tahun, antara pelajar yang terlibat dalam Progam Penyerapan Luar Negara (OIP) di Universiti Glasgow, London, kelolaan Institut Teknologi Singapura (SIT).

Menariknya, program tersebut dijalankan dari 20 Jun hingga 17 Julai ini.

Ini bermakna Cik Syazreema ‘terpaksa’ berpuasa dan beraya di Eropah.

Beliau dan beberapa rakanrannya yang turut terlibat dalam program itu berangkat ke Eropah pada 10 Jun lalu.

Mereka terlebih dahulu menjelajah beberapa tempat menarik di Eropah seperti Paris, Brighton dan Edinburgh.

“Di sini puasanya agak panjang. Kalau di Singapura kita berpuasa 13 jam sehari, di London pula masa berpuasa adalah 18 jam dan di Scotland, lebih panjang, 20 jam,” jelas beliau.

Dengan masa siang yang panjang, suasana baru dan aktiviti padat, sememangnya sukar bagi mereka

menyesuaikan diri.

Mulanya Cik Syazreema cuba berpuasa mengikut masa setempat.

Tetapi beliau dapati ia sukar untuk dilaksanakan. Ini mendorong beliau dan rakan-rakannya mengikut masa berpuasa di Makkah bagi mempermudah mereka mengendali aktiviti seharian.

“Saya dah cuba ikut masa di sini tapi memandangkan kami banyak berjalan, dan aktiviti sangat padat, badan cepat terasa lelah dan penat. Jadi kami hanya mampu mengikut masa Makkah iaitu berpuasa selama 15 jam.”

Perbezaan waktu merupakan satu pengalaman yang menarik.

Mulanya Cik Syazreema berasa pelik dan janggal, tetapi lama-kelamaan beliau dapat menyesuaikan dirinya.

“Rasa pelik sebab di sini gelapnya cuma sekejap sahaja, dalam lima jam – dari 10 malam hingga 3 pagi. Subuh pula pada jam 2 pagi dan isyak jam 11 malam,” kata beliau.

Dengan keadaan waktu isyak yang lambat, beliau tidak dapat ke masjid untuk bersolat jemaah.

Beliau, sebaliknya, melakukan solat tarawih di hostel.

Baginya, ia sesuatu yang dikesalinya kerana suasana Ramadan kurang terasa tanpa bersolat tarawih ber-

jemaah di masjid.

“Sesuatu yang sangat rugi bagi kami ialah apabila tidak dapat berjemaah (tarawih dan isyak) bersama-sama di masjid pada bulan Ramadan,” kata Cik Syazreema.

Namun begitu, pada waktu siang, beliau meluangkan sedikit masa bersolat asar di masjid.

Menurutnya, walaupun tidak dapat berjemaah pada waktu malam, suasana berjemaah di waktu siang amat memberangsangkan.

Ini kerana terdapat ramai jemaah – lelaki atau wanita – di masjid. Malah, masyarakat Islam di sana juga baik hati dan mudah mesra.

“Biasanya apabila bertembung di jalan mahupun di masjid, mereka akan bertegur sapa, memberi salam dan bertanya asal kami. Senyuman tidak pernah lekang daripada bibir,” tambahnya.

Memandangkan program OIP tersebut berakhir selepas Raya, Cik Syazreema dan rakan-rakan Muslimnya terpaksa menyambut Raya di rantauan seperti mahasiswa antarabangsa yang lain.

“Pastinya saya akan berasa sayu berjauhan dengan keluarga di pagi Raya, tapi ini merupakan pengalaman yang baik dan saya pun boleh belajar berdikari. Lagipun saya memang suka menjelajah, jadi ini merupakan satu peluang yang tidak harus dilepaskan,” ujarnya. – **NUR HANNAH MOHAMED ELYAS**



RAKAN MACAM ANGGOTA KELUARGA: Bagi Cik Syazreema (kanan), beliau berasa sayu berjauhan daripada keluarga semasa di perantauan, tetapi mujur ada rakan sebagai ‘pengubat kesunyian’. – Foto ihsan NUR SYAZREEMA SAZARI